

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai **IKHLAS Group Credit Term Takaful (Komersial)**. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am).

TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

IKHLAS Group Credit Term Takaful (Komersial)

Tarikh: **[Quotation Date]**

1. Produk apakah ini?

Produk ini menyediakan perlindungan bagi membayar jumlah baki pembiayaan (Amaun Perlindungan Semasa) kepada mana-mana institusi (Peserta Takaful) akibat kematian atau keilangan kekal dan menyeluruh ke atas Orang Yang Dilindungi (yang merupakan peminjam).

2. Apakah konsep Syariah yang digunapakai?

Tabarru' – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.

Wakalah – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan Yuran Wakalah (Ujrah) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

Nota : "pihak Syarikat" merujuk kepada Takaful Ikhlas Family Berhad.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

Manfaat Takaful	Keterangan
Kematian	<p>Semasa kematian Orang Yang Dilindungi, Amaun Perlindungan Semasa akan dibayar kepada Peserta Takaful. Manfaat akan dibayar tertakluk pada syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Keadaan sedia wujud tidak terpakai untuk produk ini yang diedarkan oleh MBSB Bank. <p>Sebagai tambahan, Syarikat juga akan memulangkan jumlah baki di dalam Akaun Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA), jika ada, kepada Peserta Takaful.</p>
Keilangan Kekal dan Menyeluruh	<p>Sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami Keilangan Kekal dan Menyeluruh, Amaun Perlindungan Semasa akan dibayar kepada Peserta Takaful. Manfaat Keilangan Kekal dan Menyeluruh (TPD) akan dibayar tertakluk pada syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Keilangan Kekal dan Menyeluruh yang berlaku adalah berdasarkan definisi "Sebarang pekerjaan". Keilangan Kekal dan Menyeluruh akan dibayar setelah tamat tempoh kelayakan (tempoh menunggu) dan kehilangan upaya tersebut mesti berterusan selama tidak kurang daripada tempoh enam (6) bulan. Keadaan sedia wujud tidak terpakai untuk produk ini yang diedarkan oleh MBSB Bank. <p>Di samping itu, baki di dalam Akaun Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA), jika ada, akan dibayar kepada Peserta Takaful.</p> <p>Jumlah maksimum perlindungan TPD boleh dibayar daripada semua Sijil Takaful yang diluluskan oleh Syarikat ke atas diri Orang Yang Dilindungi haruslah tidak melebihi RM2,000,000.</p> <p>Manfaat TPD akan tamat dengan sendirinya apabila Orang Yang Dilindungi mencapai umur maksimum perlindungan iaitu 65 tahun (ulang tahun kelahiran berikutnya).</p>
Matang	<p>Pada waktu Sijil Takaful matang, Orang Yang Dilindungi akan menerima baki PRIA, jika ada.</p>
Penyerahan	<p>Pada waktu penyerahan Sijil Takaful, Orang Yang Dilindungi akan menerima baki PRIA, jika ada, setelah ditolak yuran pentadbiran sehingga RM 50.</p>

4. Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar akan bergantung kepada jumlah pembiayaan yang dipohon. Di samping itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang akan mempengaruhi jumlah Sumbangan Takaful seperti usia, jenis pekerjaan dan sejarah perubatan dahulu. Contohnya:

- Umur Kemasukan : **[Entry Age]** tahun
- Jumlah Pembiayaan : RM **[Financing Amount]**
- Kadar Keuntungan Setahun : **[Profit Rate]** setiap tahun
- Tempoh Pembiayaan : **[Financing term]** tahun (termasuk tempoh interim)
- Tempoh Interim : -
- Tempoh Perlindungan : **[Coverage Term]** tahun (termasuk tempoh interim)
- Sumbangan Takaful Tunggal : RM [Takaful Contribution]**

Kadar tersebut mengandaikan bahawa Orang Yang Dilindungi tiada masalah perubatan/ kesihatan, risiko pekerjaan atau tabiat yang mungkin memerlukan Sumbangan Takaful tambahan.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

Jenis	%
Yuran Wakalah*	40% dari Jumlah Sumbangan Takaful atau RM [Wakalah Fee Amount]
Komisyen	10% dari Jumlah Sumbangan Takaful atau RM [Commission Amount]
Duti Setem**	RM10.00

* Yuran Wakalah adalah termasuk komisyen.

** Duti Setem hanya akan dikenakan ke atas Sijil Induk Takaful sahaja.

Nota : Pihak Syarikat berhak untuk mengutip semula sebarang cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia pada kadar semasa kecuali dinyatakan sebaliknya daripada PRIA Peserta Takaful.

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diketahui?

- a) Pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Pihak Syarikat mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.
- b) Penyerahan Hak Sijil Takaful Individu - Oleh kerana Sijil Takaful Individu ini dikeluarkan di bawah Skim bersama Pemegang Sijil Induk Takaful yang dinyatakan pada Sijil Induk Takaful yang juga merupakan Peserta Takaful, oleh itu penyerahan hak tidak dibenarkan di bawah Sijil Induk Takaful ini.
- c) Keuntungan pelaburan daripada PRIA, jika ada, akan dipulangkan kepada Orang Yang Dilindungi (melalui PRIA) setelah ditolak Yuran Prestasi Pelaburan sebanyak 30% daripada keuntungan pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh menolak Yuran Prestasi Pelaburan kurang daripada 30%.
- d) Tempoh Bertenang (Hak Untuk Pembatalan) - Dengan syarat notis bertulis telah diberikan terlebih dahulu oleh Peserta Takaful, dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Takaful ini diterima, Orang Yang Dilindungi boleh memulangkan Sijil Takaful ini kepada Syarikat dan Syarikat akan membatalkannya dengan serta-merta setelah penerimaannya dan pemulangan Sumbangan Takaful pula akan dibuat setelah ditolak jumlah perbelanjaan perubatan yang didahulukan oleh Syarikat. Selepas pemulangan Sijil Takaful kepada Syarikat dan pembatalan oleh Syarikat, ianya akan dianggap tidak berkuatkuasa semenjak dari tarikh pengeluarannya.
- e) Adalah penting bagi anda untuk menerima dan menyimpan resit-resit sebagai bukti pembayaran Sumbangan Takaful yang telah dibuat.
- f) Sekiranya anda tidak menerima Sijil Takaful selepas empat belas (14) hari dari tarikh penyertaan, sila hubungi kami.
- g) Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada sebarang lebihan boleh-agih kasar semasa berakhirnya Tahun Kewangan Syarikat. Lebihan boleh-agih bersih (selepas di tolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) kepada Peserta Takaful.

- h) Tempoh Perlindungan dan Tempoh Pembiayaan adalah termasuk Tempoh Interim, jika ada. Syarikat akan bertanggungjawab membayar sebarang tuntutan Kematian atau Keilatan Kekal dan Menyeluruh di dalam Tempoh Perlindungan.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat- syarat yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

7. Apakah pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

a. Pengecualian Bagi Kematian

Jika Orang Yang Dilindungi, samada waras atau tidak, membunuh diri di dalam tempoh satu (1) tahun bermula pada tarikh Sijil Takaful Individu berkuatkuasa, meninggal dunia disebabkan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit yang disebarkan secara seksual, atau meninggal dunia akibat dari Keadaan Sedia Wujud (Keadaan Sedia Wujud tidak terpakai untuk MBSB Bank), tiada Manfaat Takaful akan dibayar.

b. Pengecualian Bagi Keilatan Kekal dan Menyeluruh (TPD)

Sijil Tambahan Takaful ini tidak akan memberi perlindungan ke atas sebarang keilatan disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, dari mana-mana satu kejadian yang berikut:-

- i) Mencederakan diri sendiri atau sebarang percubaan ke atasnya sama ada di dalam keadaan siuman atau tidak;
- ii) Perkhidmatan ketenteraan atau tentera laut pada waktu perang yang diisytiharkan atau tidak, atau di bawah arahan bagi operasi ala peperangan atau pemulihan perintah awam;
- iii) memasuki, mengendali atau menyelenggarakan, menaik atau menuruni dari atau dengan sebarang perkhidmatan atau pengangkutan udara melainkan semasa Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan, atau apabila Orang Yang Dilindungi menjadi penumpang perkhidmatan kapal terbang atau helikopter berlesen yang beroperasi di kawasan-kawasan yang tiada perkhidmatan kapal terbang penumpang berjadual tetap;
- iv) jika Orang Yang Dilindungi didapati dijangkiti oleh virus HIV atau AIDS atau penyakit yang disebarkan secara seksual;
- v) semasa Orang Yang Dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah selain dari yang telah dibenarkan oleh Pengamal Perubatan yang berdaftar;
- vi) jika Orang Yang Dilindungi mengambil bahagian dalam mana-mana rusuhan atau melakukan kesalahan jenayah;
- vii) jika Orang Yang Dilindungi didapati terlibat di dalam aktiviti-aktiviti pengganas, termasuk tetapi tidak terhad kepada, penggunaan kuasa atau keganasan dan/atau ancaman/ugutan kepada orang atau sekumpulan orang, sama ada tindakan perseorangan atau mewakili organisasi atau kerajaan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau atas tujuan yang sama untuk menarik perhatian dan mempengaruhi kerajaan, dan/atau meletakkan orang awam atau mana-mana kawasan awam dalam ketakutan;
- viii) semua Keadaan Sedia Wujud (Keadaan Sedia Wujud tidak terpakai untuk MBSB Bank), dan/atau sebarang keadaan yang timbul/wujud daripadanya kecuali ianya telah diberitahu serta diterima secara bertulis oleh Pihak Syarikat sebelum perlindungan Orang Yang Dilindungi berkuatkuasa.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh pengecualian- pengecualian yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

8. Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan?

(Jika Bayaran Sumbangan Takaful oleh Orang Yang Dilindungi)

Sekiranya anda telah menjelaskan kemudahan pembiayaan anda sebelum tarikh matang Sijil Takaful, anda boleh meminta untuk membatalkan Sijil Takaful anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis dan discaj yang disahkan kepada pihak Syarikat. Selepas pembatalan, anda berhak mendapatkan baki di dalam PRIA.

(Jika Bayaran Sumbangan Takaful oleh Peserta Takaful)

Sekiranya anda telah menjelaskan kemudahan pembiayaan anda sebelum tarikh matang Sijil Takaful, pihak Peserta Takaful boleh meminta untuk membatalkan Sijil Takaful anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada pihak Syarikat. Setelah pembatalan, baki di dalam PRIA akan dikembalikan kepada Peserta Takaful.

9. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dalam jangka masa ditetapkan.

10. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga, sila rujuk kepada buku insurance info mengenai 'Takaful Keluarga' yang boleh didapati di semua cawangan kami ataupun anda boleh memperolehnya daripada ejen Takaful kami atau lawati www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas Family Berhad

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5 Bangsar South,
No. 8, Jalan Kerinchi 59200 Kuala Lumpur.

Tel: +603 2723 9696

Fax: +603 2723 9998

Laman sesawang: www.takaful-ikhlas.com.my

E-mel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11. Produk seumpama yang boleh didapati?

IKHLAS Mortgage Reducing Term Takaful

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL TAKAFUL YANG BENAR-BENAR BERSESUAIAN DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.

Maklumat yang disediakan dalam keterangan maklumat ini adalah sah pada: **[Quotation Date]**